

Pertingkat cara mengurus: PM

Oleh Fazli Arman dan Hassan Ahmad

ALOR STAR, Isnin – Usahawan Melayu perlu meningkatkan cara pengurusan perniagaan agar dapat memperkembangkan bidang yang mereka ceburi dengan kadar pantas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, mereka yang terabit dalam perniagaan juga harus mahir menguruskan sumber kewangan, termasuk menabung sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi.

“Nak berniaga perlu tahu kos untuk belanja diri, sewa dan sebagainya. Selepas potong kos baru tahu untung. Tapi orang kita ada yang tak tahu apa itu untung.

“Mahu berniaga perlu buat perhitungan banyak mana belanja sebelum untung, banyak mana boleh guna untuk diri sendiri dan simpan supaya dapat membesarkan perniagaan,” katanya ketika melancarkan buku *Che Det dan Pekan Rabu*, di pekarangan Pekan Rabu, di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri

“ BH 15 AUG 2000
Mahu berniaga perlu buat perhitungan banyak mana belanja sebelum untung, banyak mana boleh guna untuk diri sendiri dan simpan supaya dapat membesarkan perniagaan.”

– Dr Mahathir Mohamad

Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Badruddin Amiruldin dan Pengerusi Koperasi Pekan Rabu Bhd, Azmi Shahab.

Buku tulisan Ketua Bahagian Edaran Perpustakaan Awam Kedah, Zahidi Zainol Rashid, itu merakamkan 100 gambar baru dan lama Pekan Rabu, bandar Alor Star serta lawatan Dr Mahathir ke pusat perniagaan berkenaan.

Ia diterbitkan Koperasi Pekan Rabu sempena Karnival Pekan Rabu 2000 yang berlangsung selama sebulan bermula 5 Ogos lalu. Buku itu dijual pada harga RM120 sebuah.

Dalam buku itu, Zahidi

turut menceritakan sejarah awal Dr Mahathir berniaga cendol dan air halia di Pekan Rabu serta sumbangan Perdana Menteri memajukan pusat berkenaan.

Perdana Menteri juga berkata, tindakan sesetengah peniaga Melayu yang gemar menjual barangan pada harga murah dengan harapan mendapat sambutan baik tidak menjamin mereka akan maju.

“Orang ingat bila jual murah, pelanggan akan beli tanpa mempedulikan kualiti. Kalau mahu kurang modal untuk dapat untung lebih, tidak akan ada kemajuan,” katanya

Sementara itu, Dr Mahathir berharap Pekan

Rabu dapat dimajukan dan terkenal seperti Bintang Walk di Kuala Lumpur.

Katanya, jika cadangan mewujudkan Pekan Rabu Mall yang cantik dan bersih dengan makanan berkualiti seperti Bintang Walk, di Kuala Lumpur dilaksanakan, ia pasti menarik minat ramai.

“Jual tepi jalan (seperti di Bintang Walk) bukan perniagaan yang rendah kerana kalau dapat jadikan perniagaan menarik, orang Eropah, Singapura dan Arab suka minum di situ walaupun secawan konj RM12.

“Ia cukup sesuai dibuat di sini. Tapi sayang kebanyakan makanan sedap di Kedah hanya dijual ketika bulan puasa. Ia perlu buat sepanjang masa dan tentukan elok. Walau mahal sikit orang tak kisah bayar,” katanya.

Malah, Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat sedia memberi bantuan menjadikan Pekan Rabu seperti Bintang Walk, sekali gus dapat mengubah kawasan terbabit serta Alor Star.